

2020: Mendepani Cabaran COVID19 dan Rasuah

Keterujaan menyambut 2020, tahun yang diaspirasikan sebagai permulaan dekad yang melakarkan kehebatan peradaban manusia terutamanya dari sektor teknologi kecerdasan buatan (artificial intelligence) yang menjadi alat penting dalam memanfaatkan kehidupan manusia; membolehkan manusia pada abad ini untuk terus berdaya saing dalam ekonomi digital agak terencat dengan kemunculan dan penularan wabak coronavirus – COVID19.

Nyata dunia tidak bersedia dengan penularan wabak yang bermula di Wuhan, China pada penghujung tahun 2019 ini. Masyarakat dunia pada awalnya dilanda panik melakukan tindakan luar kawal seperti *panic buying* apabila kawalan pergerakan dikenakan kerana kebimbangan terhadap kehabisan bekalan makanan sekiranya kawalan pergerakan dikenakan dalam tempoh yang panjang.

Ekonomi dunia yang sememangnya lembap ekoran kemelesetan semakin tenat kerana banyak operasi terpaksa dihentikan untuk seketika, atau dalam skala yang terhad.

Kehadiran wabak ini, secara tidak langsung juga menguji tahap ketahanan emosi dan nilai insaniah manusia dalam meneruskan

kelangsungan hidup dalam persekitaran yang amat mencabar seperti kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, yang boleh mendorong manusia hilang pertimbangan, serta melakukan perkara-perkara diluar kawalan/jangkaan.

Walau bagaimanapun kita harus kekal optimis bahawa Malaysia mampu pulih dan kembali mewarnai persada ekonomi global dalam masa terdekat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (KDYMM SPB YDPA) dalam titah pembukaan Parlimen ke 14 pada bulan Mei yang lalu juga **menzahirkan bahawa program pembangunan** berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik dapat membantu negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menjaga kesejahteraan rakyat dan negara pasca COVID19.

KDYMM SPB YDPA juga dalam titahnya menyeru semua pihak untuk terus mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa.

Rasuah disedari sebagai antara risiko yang boleh menjatuhkan sesebuah institusi perniagaan. Juga berkemampuan untuk melenyapkan sesebuah institusi dari radar industri. Oleh itu, banyak syarikat mengambil serta memberi perhatian yang serius terhadap pendekatan anti-rasuah dalam menjalankan operasi perniagaan. Ini adalah kerana

Pena Integriti 1/2020

persepsi masyarakat adalah mustahak bagi syarikat terutama bagi syarikat-syarikat yang beroperasi secara global. Masyarakat kini membuat dan mempunyai persempadanan jelas antara syarikat yang beretika dan sebaliknya.

Justeru, Undang-undang anti-rasuah semakin ketat di seluruh dunia dan antara akta anti-rasuah yang diketengahkan dalam Pena Integriti 1/2020 ialah *ISO 37001: ABMS; Corporate Liability; Corruption Risk Management* dan *Whistleblowing* sebagai pembacaan ilmiah para Anggota.

“Seseorang yang melakukan kesalahan dan tidak membetulkannya telah melakukan satu kesalahan lagi.” ~ Confucius



Unit Pengukuhan
Bahagian Integriti dan Projek Khas
Lantai 15, Menara **TH** Tun Razak



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

TH Sebagai Institusi Islam Yang Dihormati

Aspirasi yang diiltizamkan dalam titah KDYMM SPB YDPA ketika pembukaan Parlimen ke 14 yang lalu juga selari dengan hasrat dan aspirasi yang dizahirkan oleh Pengurusan TH kepada para Anggota dalam perhimpunan Bil. 1/2020 yang diadakan pada 20 Februari 2020; dengan menjadikan TH sebagai sebuah Institusi Islam yang dihormati di atas pencapaian dan tadbir urus.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, pengurusan menggariskan enam elemen utama sebagai langkah pengukuhan TH bagi meletakkannya semula ke arah kegemilangan. Antaranya ialah memberi penekanan kepada amalan tadbir urus yang cemerlang, dengan melaksanakan penambahbaikan terhadap struktur organisasi dan tadbir urus.

Pada masa yang sama turut memberi penumpuan kepada aspek Insan (anggota), yang merupakan aset juga aktor utama yang mendukung, menggerak serta memastikan kejayaan aspirasi ini, melalui pendekatan bahawa setiap tenaga kerja mempunyai nilai insan serta kebolehan menjalankan tugas dengan berdedikasi. Khusus untuk mencapai langkah penjimatan perbelanjaan dan indeks kecekapan yang disasarkan.

Selebihnya adalah memastikan Operasi, Tabungan juga Pengurusan Haji dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti bagi memberi kepuasan kepada para

pendeposit dan bakal Jemaah Haji melalui peningkatan pulangan pelaburan yang mampan serta lebih aset berdasarkan toleransi risiko yang dihadkan, kaedah yang lebih efektif dan jimat, juga penyediaan perkhidmatan yang berkualiti.

LEMBAGA TABUNG HAJI SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI ISLAM YANG DIHORMATI DI ATAS PENCAPAIAN DAN TADBIR URUS



"mengukuhkan Tabung Haji untuk diwarisi kepada generasi akan datang"

Mendukung hasrat ini, Bahagian Integriti dan Projek Khas telah dipertanggungjawabkan dengan kerjasama beberapa Jabatan/Bahagian seperti Jabatan Sumber Manusia untuk membangunkan bluprin/rangka tindakan Integriti sebagai inisiatif untuk memperkasa dan menambahbaik tadbir urus, nilai, etika, dan tatasusila TH.

Manakala, bagi menyahut seruan Kerajaan ke arah negara bebas rasuah menjelang tahun 2023, dengan aspirasi supaya "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, serta tuntutan komitmen ke atas agensi Kerajaan dan entiti berkaitan untuk turut sama berganding bahu mencapai visi ini, TH melalui Bahagian Integriti dan Projek

Khas akan membangunkan Pelan Anti-Rasuahnya.

Pelan Anti-Rasuah TH ini nanti diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam membantu TH memperkasakan tadbir urus dan integritinya agar operasi, tabungan, pengurusan haji, pelaburan dapat dilaksanakan mengikut acuan rangka tindakan yang telah dibangunkan dengan jayanya.

Selari dengan objektifnya, Bahagian ini juga terus memberikan fokus kepada aspek pemantauan, pematuhan serta khidmat nasihat terhadap akta, polisi juga undang-undang berkaitan pencegahan rasuah di TH mahupun anak syarikat seperti ABMS, CRM, Undang-undang Liabiliti Korporat dan Polisi Anti-Bribery TH.

Pada masa yang sama meningkatkan aktiviti pendidikan melalui penyebaran informasi di saluran yang telah dikenal pasti seperti laman sesawang dan media sosial (fb, portal) juga taklimat, bengkel yang bersesuaian; mengenai akta/polisi baharu atau sedia ada berkaitan dengan inisiatif dan pendekatan pencegahan rasuah yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi berkaitan baik di peringkat organisasi mahupun masyarakat.

Justeru, menyeru semua Anggota di pelbagai peringkat untuk bersama-sama dalam menjayakan usaha ini.

ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) TH

Dunia dan Serantau

ISO 37001 ABMS ini adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. ABMS juga merupakan satu instrument yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.

Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya.

Pembangunan ABMS bermula pada tahun 2013, apabila sebuah jawatankuasa yang dinamakan Project Committee ISO (PC 278) yang dianggotai oleh pakar lebih daripada 50 buah negara dan organisasi antarabangsa termasuk Malaysia telah duduk bersidang bagi menjayakan inisiatif ini. Akhirnya menyaksikan dimana pada bulan Oktober 2016, ABMS 37001:2016 ABMS telah dilancarkan.

Di Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Standard Malaysia (JSM) untuk menerima pakai ISO 37001 di Malaysia.

Setahun selepas itu (Oktober 2017) pelancaran ABMS telah dilaksanakan yang kemudiannya dikenali sebagai MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (MS ISO 37001).

ABMS tidak menjamin bebas unsur rasuah sepenuhnya kerana rasuah membabitkan faktor manusia. Namun, dengan adanya ABMS dengan piawaian semakin, penilaian juga pengauditan yang ketat, dapat mengurangkan risiko amalan rasuah berlaku di peringkat dalaman dan luaran.

ABMS yang terhasil hari ini juga dibangunkan berpandu dan berdasarkan kejayaan Akta Rasuah UK 2010 (UK Bribery Act 2010) yang dilaksanakan di negara tersebut. Akta ini telah menyakini peniaga untuk mengambil tindakan munasabah bagi memastikan rakan perniagaan dan vendor mematuhi langkah-langkah anti-rasuah.

TH

TH merupakan **agensi terawal** membangun dan melaksanakan ABMS serta berjaya **memperolehi pensijilan** ISO 37001:2016 ABMS daripada SIRIM pada 10 November 2017. TH juga berjaya **mengekalkan** pensijilan tersebut untuk dua tahun berturut-turut (2018 dan 2019).

TH berpegang dan menyakini bahawa ABMS melalui manfaatnya dapat membantu **mengurangkan risiko rasuah** dan menunjukkan **ketelusan integriti, keterbukaan** dan **kepatuhan** dalam pengurusan organisasi serta menyokong ketersediaan TH dalam pelaksanaan Undang-undang Liabiliti Korporat dengan mengikuti



Garis Panduan Tatacara Mencukupi. Antara manfaat ABMS ialah:

1. Mengambil tindakan terhadap rasuah untuk perniagaan yang lebih beretika;
2. Meningkatkan kesedaran mengenai kesan rasuah terhadap organisasi;
3. Menunjukkan penanda aras amalan baik dalam sistem pengurusan anti-rasuah;
4. Mengenal dan mengurus rasuah dengan mewujudkan sistem pengurusan anti-rasuah berdasarkan risiko;
5. Menyerlahkan keupayaan untuk mengesan penipuan;
6. Menunjukkan komitmen organisasi terhadap amalan anti-rasuah;

7. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi dalam menguruskan risiko berkaitan dengan rasuah;
8. Tingkatkan reputasi dan imej organisasi dengan memastikan kepatuhan undang-undang;
9. Beri keyakinan dan kepercayaan kepada pelanggan dan rakan perniagaan.

Pada tahun 2019, sebanyak 11 Bahagian di Ibu Pejabat **TH** dan 23 buah Pejabat **TH** Cawangan terlibat dalam pengauditan ABMS oleh pihak SIRIM QAS International Bhd.

Sebagai institusi yang bertanggungjawab, **TH** juga turut berperanan dalam memastikan anak-anak syarikatnya turut mengambil inisiatif pendekatan yang sama dalam memastikan perniagaan yang dijalankan dalam persekitaran perniagaan yang sihat, berdaya maju dan kompetitif serta diyakini oleh kumpulan berkepentingan.


Garis Panduan Tatacara Mencukupi

1. **Komitmen** dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi organisasi dalam **Mengamalkan Integriti, Mematuhi Undang-undang** berkaitan Anti-Rasuah dan **Mengurus risiko** rasuah secara berkesan;
2. **Melaksanakan kawalan** dengan **mewujud dan menguatkuasakan Polisi-polisi Integriti (Anti-Bribery)**

- serta proses ketekunan wajar (due diligence);
3. **Membentuk Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) organisasi** dengan mengenalpasti potensi, menganalisa dan mewujudkan kawalan **risiko**;
 4. Membangun dan menghebahkan sistem pengurusan anti-rasuah melalui **latihan dan komunikasi** dalaman dan luaran;
 5. Melaksanakan **semakan, pengauditan, pemantauan dan penguatkuasaan** berterusan ke atas Peraturan dan Polisi, Sistem dan Prosidur serta Anggota dan Budaya.

10 Polisi Anti-Bribery TH

1. Pemberian dan Penerimaan Hadiah, *Bahagian Integriti dan Projek Khas*
2. Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan, *Bahagian Integriti dan Projek Khas*
3. *Whistleblowing*, *Bahagian Integriti dan Projek Khas*
4. Kod Etika Perniagaan, *Bahagian Integriti dan Projek Khas*
5. Kod Etika Pembekal, *Bahagian Integriti dan Projek Khas*
6. Peraturan Deposit dan Pengeluaran, *Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi*
7. Pengisytiharan Harta, *Jabatan Sumber Manusia*



8. Peraturan-peraturan Tatatertib **TH** 2010, *Jabatan Sumber Manusia*
9. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT), *Jabatan Risiko dan Pematuhan*
10. Tanggungjawab Sosial Korporat, *Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan*

“Akhlaq yang buruk itu ibarat tembikar yang pecah. Tidak dapat dilekatkan lagi dan tidak dapat dikembalikan menjadi tanah.” ~ Wahab B Munabin



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

CRM ialah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

CRM juga merupakan komponen keperluan Standard Pensijilan ISO 37001:2016 ABMS;

- **Klausa 4.5: Penilaian Risiko Rasuah**
- **Klausa 6.1: Tindakan untuk Menangani Risiko dan Penambahbaikan**
- **Klausa 8.1: Perancangan dan Kawalan Operasi**

Pelaksanaan CRM di *TH* sejajar dengan matlamat penegasan ke atas polisi-polisi integriti *TH* bagi mengurangkan kadar risiko rasuah dalam organisasi, menutup ruang dan peluang penipuan, salahguna kuasa, penyelewengan dan kesan negatif kepada tadbir urus *TH*.


Dua bengkel CRM telah dianjurkan (20-21 Jun 2017 dan 4-5 April 2018). Hasil dari bengkel tersebut, *TH* berjaya mengenalpasti Tahap Risiko Kasar (*Gross Risk*), Kawalan

Mengetahui perkara yang betul tidak memadai dan bermakna jika tidak melakukan perkara yang betul.

Sedia Ada dan Kawalan Tambahan, Keberkesanan Kawalan dan hasil keputusan Tahap Baki Risiko (*Residual Risk*) bagi setiap Potensi Risiko Rasuah Jabatan/Bahagian di *TH*.

CRM perlu dikemaskini dari semasa ke semasa agar kekal relevan; sesuai dengan perubahan yang berlaku dalam struktur jabatan/bahagian dan/atau organisasi, polisi dan faktor luaran (politik dan ekonomi).

Proses Penulisan bagi Pelan Risiko Rasuah adalah seperti gambar rajah di bawah:



TH Properties Sdn. Bhd. dan *TH Travel & Services Sdn. Bhd.* telah selesai membangunkan CRM pada tahun 2019. yang merupakan antara keperluan ABMS. Kini, kedua-dua anak syarikat tersebut dalam proses untuk membangunkan ABMS masing-masing. Manakala yang selebihnya masih dalam proses pengumpulan maklumat dan perbincangan dengan agensi berkaitan untuk membangunkan ABMS.

Yang benar tetap benar, yang salah tetap salah. Kaya dan miskin di hadapan keadilan adalah sama.

Undang-undang Liabiliti Korporat

Walau pun negara menghadapi wabak COVID19, kerajaan tetap komited dalam usaha memerangi rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik. Justeru, menetapkan pelaksanaan Undang-undang Liabiliti Korporat (Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) yang diwartakan pada 4 Mei 2018); kekal berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.

Liabiliti Korporat menetapkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi organisasi komersial sekiranya mana-mana pekerja atau pihak bersekutunya melakukan perbuatan rasuah bagi faedah organisasi tersebut contohnya pekerja memberi rasuah untuk mendapatkan projek perniagaan atau mengekalkan kontrak atau kepentingan.

Hukuman yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17A ini adalah sekurang-kurangnya 10 kali ganda nilai suapan atau RM1 juta yang mana lebih tinggi atau hukuman penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan Akta tersebut mengkehendaki organisasi komersial untuk mewujudkan polisi dan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi mereka dalam bentuk tatacara yang mencukupi sebagai tindakan pencegahan. Sesebuah organisasi komersial, dengan adanya tatacara yang mencukupi yang efektif, boleh menggunakannya sebagai suatu pembelaan ke atas kesalahan ini.

Polisi Whistleblowing TH

Dasar Pendedahan Maklumat tentang Salah Laku di Tempat Kerja (**Whistleblowing Policy**) TH telah dikuatkuasakan pada 12 Mac 2010 bagi memudahkan anggota TH atau orang awam melaporkan pelanggaran tatalaku dan/atau integriti, secara berstruktur dan dengan jaminan bahawa identiti Pemberi Maklumat dilindungi dan dirahsiakan.

Di bawah dasar ini, **Pemberi Maklumat** akan diberikan perlindungan sekiranya pendedahan yang diberikan adalah **benar dan jujur**; seperti yang termaktub di bawah Akta Pemberi Maklumat 2010, dimana:

1. Identiti Pemberi Maklumat serta maklumat yang didedahkan adalah dirahsiakan;
2. Pemberi Maklumat tidak dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut;
3. Pemberi Maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindakbalas pendedahan tersebut;
4. Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai ikatan atau hubungan dengan Pemberi Maklumat.

Pendedahan tentang salah laku seperti penipuan, rasuah, penyelewengan kewangan yang serius dan salah guna kuasa yang telah dilakukan oleh seseorang yang dilantik oleh TH boleh dilakukan melalui salah satu saluran berikut:



whistle@lth.gov.my



Bahagian Integriti dan Projek Khas
Lantai 15, Menara TH Tun Razak,
201, Jalan Tun Razak, 50400,
Kuala Lumpur



03-2054 3317 atau 3306
(waktu pejabat)



03-2161 1443



www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/integriti/e-whistleblowing

Dokumen dan maklumat lanjut mengenai ABMS TH, CRM serta Polisi Anti-Bribery TH boleh diakses di portal Bahagian Integriti dan Projek Khas: <https://tabunghaji.sharepoint.com/integriti>

Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Berbahagialah hidup di dunia bagi orang yang mengumpul kebajikan untuk bekalan hari akhiratnya, sehingga dia memperoleh reda Tuhannya. Dan celakalah hidup di dunia bagi orang yang dipengaruhi oleh dunia, hingga dia terhalang daripada (mengerjakan) amalan untuk akhiratnya, dan lalai untuk memperoleh reda Tuhannya." Hadis riwayat al-Hakim.

Perkataan Tersembunyi

S	A	L	S	U	V	W	E	N	T	K	U	F	D	L	C	X	Q	H
R	A	S	T	I	M	Y	H	J	G	O	Q	P	B	A	N	D	W	S
Y	M	L	W	Q	T	A	A	I	B	E	O	S	Z	N	A	T		
A	L	R	A	X	N	J	D	K	S	X	L	M	I	L	O	J	N	I
H	I	B	A	H	O	L	E	O	F	T	D	A	F	O	S	G	G	B
I	V	J	K	B	G	L	C	N	I	V	L	T	G	U	X	O	O	A
E	B	I	M	U	E	U	B	W	U	J	P	E	M	A	V	H	R	K
X	T	C	W	T	Z	H	N	H	Z	Y	E	B	B	E	N	U	I	L
E	I	K	N	D	P	G	T	A	O	Q	A	I	N	L	F	N	A	K
S	S	I	M	O	R	W	O	S	K	N	N	A	Q	U	O	S	X	R
N	O	L	S	U	M	B	A	V	G	U	N	W	K	Y	I	W	O	G
K	P	I	Q	I	E	Z	L	A	D	S	A	B	V	T	C	F	E	J
D	E	Y	W	X	L	K	N	M	U	T	Y	S	M	D	A	U	K	R
K	D	N	K	C	V	O	U	A	B	C	G	J	A	E	T	L	R	B
P	T	M	F	K	J	P	P	Z	W	D	U	N	H	P	D	A	E	M
E	P	S	R	X	O	A	V	G	Y	R	A	S	U	A	H	W	N	P
M	P	E	Q	B	N	D	M	F	O	B	F	I	N	G	B	E	O	I
A	M	D	M	G	H	J	E	A	I	V	R	O	M	J	R	K	A	K
T	F	N	I	A	L	O	I	T	L	B	E	I	E	R	N	D	E	P
U	A	H	Z	U	Y	F	R	P	I	N	R	H	B	X	I	I	Z	H
H	N	I	Y	A	U	E	L	I	X	K	Y	D	U	E	S	R	T	W
A	S	M	S	M	T	V	D	C	C	V	A	I	M	K	R	X	B	J
N	I	J	K	A	H	R	N	K	B	A	M	A	H	Q	K	Y	U	K
G	U	O	T	S	A	M	A	A	H	A	R	W	X	I	I	T	M	C
K	Q	A	Y	D	N	I	E	H	A	D	I	A	H	R	B	E	J	S
W	T	B	E	G	H	J	N	M	C	L	Z	T	B	U	R	D	N	E

Jawapan Teka Silangkata 2/2019:

Menegak: 1. Integrity Pact 2. Wang 3. Hubungan Rasmi 4. Cepat Rosak 5. Sekutu
Melintang: 1. Governans 2. Whistle Blowing 3. Tatatertib TH 2010 4. Maklumat Gaji 5. Peringatan

Unit Pengukuhan
Bahagian Integriti dan Projek Khas
Lantai 15, Menara TH Tun Razak

